

PROJEK PELAJAR

J0000000386

J000028011

86/2

K. B. R.



PERANAN KERAJAAN & BANGKITAN DALAM MEMBANGUN
MASYARAKAT PENAN DI SARAWAK

Oleh

RASLI BAKI
HAMLIAH AHMAD FAUZI
MARIA MOHIDEN
HABIBAH ABDILLAH

Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada
Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang
Institut Teknologi Mara Cawangan Sarawak
Untuk Memenuhi Sebahagian Dari Syarat
Untuk Memperolehi Diploma Pentadbiran Awam

NOVEMBER 1994

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	ii - iii
SENARAI JADUAL	iv - v
SENARAI RAJAH	vi - vii

SINOPSIS

Objektif Penyelidikan	viii
Hipotesis	viii
Skop Penyelidikan	ix
Metodologi	ix
Perihal Menghadkan Penyelidikan	xi

BAB

1 PENGENALAN

Penan Atau Punan	1
Taburan Populasi	2
Corak Penempatan	6
Hubungan Antara Penan Dan Hutan	10
Penggunaan Sumber Dan Kegiatan Ekonomi	11
(i) Pengeluaran Sago	11
(ii) Pemburuan	15
(iii) Pengumpulan Hasil-Hasil Hutan	17
Hiburan	21

2 PEMBANGUNAN PENAN

Objektif	23
Golongan Sasaran	23
Pembangunan Awal Sebelum 1987	24

SINOPSIS

1. OBJEKTIF PENYELIDIKAN

Objektif penyelidikan ini adalah untuk mengetahui sejauhmana kerajaan melalui badan-badan atau organisasi-organisasi yang dibentuk memainkan peranan membangun masyarakat Penan dengan menekankan ciri-ciri seperti berikut:

- 1.1 Kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh pihak kerajaan.
- 1.2 Peruntukan yang disalurkan bagi menjalankan kegiatan-kegiatan tersebut.
- 1.3 Pandangan segelintir masyarakat Penan di Kuching terhadap kegiatan-kegiatan pembangunan kerajaan terhadap masyarakat mereka secara umum.
- 1.4 Pandangan masyarakat lain terhadap usaha yang dijalankan oleh kerajaan terhadap masyarakat Penan.
- 1.5 Masalah-masalah yang dihadapi oleh kerajaan di dalam usaha mereka membangun masyarakat Penan.

2. HIPOTESIS

Sebagai masyarakat Sarawak khasnya dan masyarakat Malaysia umumnya, masyarakat Penan mempunyai hak untuk mengecapi segala kekayaan negara dan tidak hanya dimonopoli oleh sesetengah pihak sahaja. Sebagai masyarakat pribumi yang telah mendiami bumi Sarawak sejak dahulu lagi, lebih dahulu daripada masyarakat yang bukan pribumi sepatutnya dengan kedudukan ini mereka lebih dahulu maju. Tetapi keadaan ini tidak berlaku, sebaliknya mereka tetap mundur sedangkan masyarakat lain terus maju dan membangun hari demi hari.

Akibat kemunduran, dan cara hidup 'nomadic' dan 'semi nomadic', mereka sering dieksploit oleh golongan-golongan tertentu. Golongan-golongan ini sering mendakwa mereka adalah pejuang-pejuang masyarakat Penan tetapi perjuangan mereka dipersoal kerana masyarakat Penan masih ditahap lama. Isu-isu pembalakan dan pemusnahan hutan seringkali dijadikan modal perjuangan golongan ini kerana mereka beranggapan bahawa pembalakan dan pemusnahan hutan akan memusnahkan survival masyarakat Penan. Akibat tindakan golongan ini maka dalam tahun 1987 masyarakat Penan telah mengadakan demonstrasi dengan membuat benteng manusia dalam usaha mereka menghalang pengangkutan keluar balak.

BAB I

PERANAN KERAJAAN DALAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT PENAN DI SARAWAK

1. PENGENALAN

Rakyat Malaysia biasanya mempunyai kefahaman yang salah mengenai masyarakat Penan di Sarawak. Sebagai kumpulan etnik, mereka sering dikelirukan dengan Punan dan Punan Bah. Sebagai masyarakat nomad pula, mereka disangkakan hidup mengembara tanpa tujuan di dalam hutan, mencari nafkah dengan tiada haluan, sejarah, budaya dan identiti terhadap sesuatu tempat itu. Dalam penyelidikan ini akan dibincangkan beberapa aspek kehidupan mereka: siapa mereka sebenarnya, di mana mereka boleh dijumpai, bagaimana corak kehidupan mereka; bagaimana mereka mengguna dan menguruskan sumber-sumber yang ada di dalam hutan, aktiviti ekonomi mereka, latarbelakang serta kebudayaan mereka. Tumpuan utama penyelidikan ini adalah mengenai penglibatan pihak Kerajaan dalam membantu membangunkan kaum Penan di Sarawak yang mana akan dibincangkan secara mendalam kemudian nanti.

2. PENAN ATAU PUNAN

Penan merujuk kepada diri mereka sebagai 'Penan', tetapi masyarakat luar sering keliru dengan satu lagi istilah etnik, 'Punan'. Memandangkan terhadapnya kekeliruaan yang besar terhadap dua istilah ini, adalah perlu untuk kita membincangkan mengenainya terlebih dahulu. Penulis-penulis terawal seperti Hose dan McDougall (1912), Harrisson (1949, 1967) dan lain-lain, jarang membezakan antara kedua-dua istilah 'Penan' digunakan oleh kaum Kenyah dan istilah 'Punan' pula digunakan oleh kaum Kayan, untuk merujuk kepada masyarakat yang mengetuai kehidupan nomadik. Walau bagaimanapun berdasarkan aktiviti masing-masing di kalangan 'Penan' di Baram dalam awal tahun 1950an, **Needham (1953, 1982)** mengatakan bahawa sebenarnya terdapat 3 kumpulan yang berbeza yang dikenali sebagai 'Penan', 'Punan' dan 'Punan Bah'.

BAB 2

PEMBANGUNAN PENAN

OBJEKTIF

1. Untuk membantu kaum Penan menerima cara hidup menetap secara kekal dan menerima perubahan di dalam persekitaran sosio-ekonomi mereka.
2. Untuk menyediakan kemudahan asas dan perkhidmatan terutama sekali sekolah, kesihatan dan perkhidmatan ekonomi rumah tangga ke kawasan penempatan kaum Penan yang paling hampir sekali.
3. Memperbaiki kemahiran tradisi di dalam kraftangan dan membantu mereka untuk memasarkan bahan-bahan pengeluaran mereka.
4. Menanam sikap dan semangat berdikari dan tanggungjawab kepada masyarakat dan negara.

GOLONGAN SASARAN

Golongan yang menjadi sasaran di dalam proses pembangunan kaum Penan ialah kaum Penan yang hidup separuh menetap di mana mereka ini merupakan kira-kira 75% daripada jumlah penduduk secara keseluruhan. Sementara itu kumpulan nomadik pula dibenarkan untuk berlegar bebas di dalam hutan. Walau bagaimanapun para pegawai kerajaan juga mempergiatkan lawatan disamping memberi penerangan tentang dasar-dasar kerajaan kepada mereka.